

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 4 TAHUN 2021

TARIKH : 27 MEI 2021 (KHAMIS)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING,
(MESYUARAT SECARA ATAS TALIAN)

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.-* Pengerusi
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin - Ahli Majlis
Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
4. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
5. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
6. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
7. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
8. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
9. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
10. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
11. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
12. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
13. Encik Yong Keh Chyn - Ahli Majlis
14. Encik Abu Bakar bin Mohamad - Ahli Majlis
15. Encik Naharanuar bin Ayob - Ahli Majlis
16. Puan Rogayah binti Ibrahim - Ahli Majlis
17. Encik Norazmi bin Mohamed Tahir - Ahli Majlis
18. Encik Lim Lip Suan - Ahli Majlis
19. YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, *D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.-* Ahli Majlis
20. Encik Tan Wee King - Ahli Majlis

- | | | | |
|-----|--|---|---------------------|
| 21. | Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy | - | Ahli Majlis |
| 22. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Zulkipli bin Said | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>A.I.S., P.P.T.</i> | - | Penolong Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|--|
| 1. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 2. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 3. | Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.-</i> | - | Pengarah Jabatan
Perancangan Pembangunan |
| 4. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Korporat dan Pembangunan
Masyarakat |
| 5. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 6. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan |
| 7. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 8. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan
Pelesenan |
| 9. | Puan Hashila binti Hamzah | - | Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan |
| 10. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit OSC |
| 11. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai
Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit
Dalam |
| 12. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, <i>P.P.T.-</i> | - | Ketua Unit
Perundangan |
| 13. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin | - | Ketua Unit
Pesuruhjaya Bangunan |
| 14. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 15. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni- | - | Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 16. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra |
| 17. | Encik Mohd Yusdi bin Mohamad | - | Wakil Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran |

TURUT HADIR

- | | | | |
|----|-----------------------|---|----------------------|
| 1. | YB. Tuan Lau Weng San | - | ADUN Kawasan Banting |
|----|-----------------------|---|----------------------|

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Mohd Safiee bin Harun | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Abd Razak bin Ramli | - | Ahli Majlis |

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|--|---|-----------------------------|
| 1. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Pegawai Undang-Undang |
| 2. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| 3. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 4. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	UCAPAN Pengerusi		
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut:</p>		
	1.1	<p>Sebagai makluman, pada masa ini MPKL beroperasi seperti mana arahan daripada pihak MKN iaitu 80% kakitangan bekerja dari rumah dan 20% kakitangan bekerja di pejabat. Terdapat beberapa jabatan dikecualikan daripada arahan ini iaitu JPK, Unit Tempat Letak Kereta (JP) dan beberapa jabatan teknikal.</p> <p>Beliau juga memaklumkan pihak Majlis telah menetapkan syarat kepada kakitangan dan orang awam yang ingin masuk ke bangunan pejabat MPKL supaya menyemak profil mereka di aplikasi MySejahtera.</p>	Makluman
	1.2	<p>Tuan Haji Fauzi, Pegawai Undang-Undang akan mewakili pihak Majlis dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah pada hari ini, 27 Mei 2021. Sekiranya Ahli-Ahli Majlis ada isu-isu untuk dibangkitkan, boleh berhubung dengan beliau untuk diusulkan dalam mesyuarat tersebut dan seterusnya diminitkan supaya ada tindakan dan pemantauan berterusan.</p>	
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	2.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 3 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 APRIL 2021	
		<p>Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Puan Nor Aishah binti Abdul Majid tanpa pindaan.</p>	Makluman

3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	3.1	<p><u>PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM SELARAS DENGAN SEKSYEN 13, AKTA 172 BAGI CADANGAN PENGUBAHAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT (PENGUBAHAN 2) 2030 [DRTKL (PENGUBAHAN 2) 2030]</u></p> <p>i) <i>Latar Belakang</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 (RTKL 2030) ini mula disediakan pada tahun 2016 dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor melalui no warta 2382 bertarikh 5 Julai 2018 dan disediakan melalui kerjasama PLANMalaysia@Selangor serta Perunding Perancang Bandar IZM Consult. • Pihak jabatan juga telah menjalankan kajian RTKL (Pengubahan 1) 2030 dan kawasan yang terlibat pindaan zon gunatanah sebanyak 236 lot dengan keluasan 6,222.96 ekar iaitu 2.9 peratus dari keluasan daerah. RTKL (Pengubahan 1) 2030 ini telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor melalui no warta 3319 bertarikh 31 Disember 2020. • Cadangan penyediaan pindaan bagi DRTKL (Pengubahan 2) 2030 telah mengambilkira, mengemaskini dan menambahbaik perkara-perkara berikut : <ul style="list-style-type: none"> i. Menyelaras dasar Kerajaan Negeri Selangor berhubung keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ii. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran RTKL (P1) 2030 yang bersidang pada 21 Oktober 2019. Cadangan ini telah disyorkan untuk ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JPNS) Bil.4/2019 kerana 	Makluman

		<p>tidak termasuk di dalam Publisiti Awam RTKL (Pengubahan 1) 2030. Sebanyak 21 lot yang terlibat</p> <p>iii. Menyelaras keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.4/2020 pada 21 Disember 2020 iaitu Pembatalan perkara 4.6 dalam Bab 6 di mukasurat 6-28 iaitu Penyediaan Zon Penampakan Kawasan Perindustrian dan digantikan mengikut keperluan Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang berkuatkuasa.</p> <p>iv. Penyelarasan semula zon gunatanah yang berpotensi serta cadangan yang diterima oleh Majlis melalui borang semasa Publisiti Awal Subseksyen 12 A dijalankan. Permohonan-permohonan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Teknikal DRTKL (P2) 2030 pada 9 April 2021.</p> <p>v. Penyelarasan semula zon gunatanah dan kelas kegunaan tanah dalam RTKL 2030</p> <p>vi. Bancian Kilang Tanpa Kebenaran Tahun 2020</p> <p>vii. Permohonan Cadangan Tambakan Laut</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
4.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	4.1	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 4 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 4 MEI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman

	4.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 4 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 MEI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.3	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 4 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 MEI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 4 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 MEI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 MEI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.1 (m.s.3)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu berkenaan cukai taksiran penggal kedua yang lebih sedikit berbanding penggal pertama.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan ia adalah kerana terima terdahulu di mana pemilik harta telah membayar cukai untuk penggal pertama dan penggal kedua dalam tempoh setahun.</i></p> <p><i>Berkenaan kompaun parking pada bulan April 2020, dimaklumkan banyak kompaun yang dikeluarkan tidak dibayar. Sebagai makluman, sebanyak 200 kertas siasatan telah dibuka pada tahun ini untuk dibawa ke mahkamah.</i></p>	Makluman

		<p><i>Berkeenaan tunggakan kompaun parkir, Tuan Pengerusi mencadangkan pihak jabatan berbincang dengan Ahli Majlis, Cik Ang Lee Yong untuk mengadakan satu kempen dan membentangkannya pada Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang.</i></p>	
	ii.	<p><u>Perkara 4.5 (m.s.7)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu kos yang telah dibayar kepada konsultan dan kontraktor. Pihak jabatan disyorkan untuk mendapatkan kos tersebut melalui tindakan perundangan daripada pihak yang terlibat. Beliau juga ingin tahu status terkini tindakan perundangan dan perancangan pihak Majlis di atas tapak tersebut.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan pihak Majlis telah membayar sebanyak RM5.2 juta kepada pihak konsultan dan kontraktor.</i></p> <p><i>Ketua UU memaklumkan perkara-perkara berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>i. Pengisuan Notis Kegagalan (Notis Remedi) Kepada Pihak Kontraktor bertarikh 25.2.2021 yang diaku terima pada 1.3.2021 selaras dengan Klausu 51.1 (a).</i> <i>ii. Mengisukan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap Kepada Pihak Kontraktor bertarikh pada 19.3.2021 yang telah diaku terima pada 22.3.2021 selaras dengan Klausu 40.</i> <i>iii. Mengisukan Notis Penamatan kontrak Kepada Pihak Kontraktor bertarikh 22.3.2021 yang telah diaku terima pada 29.3.2021 selaras dengan Klausu 51.1 (b).</i> <i>iv. Notis pengosongan tapak bina kepada kontraktor telah dikeluarkan bertarikh 30.4.2021 dan telah diaku terima pada 3.5.3031.</i> <i>v. Kerja-kerja pembersihan tapak telah diselaraskan oleh JKB pada minggu lepas.</i> 	Makluman

		vi. Pihak Majlis juga akan cuba membuat beberapa tuntutan antaranya pihak UPUB akan menyediakan sebut harga untuk pembersihan tapak. Dimaklumkan kertas laporan telah siap disediakan oleh pihak UU dan peguam yang dilantik dan akan dihantar ke Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor untuk semakan dan tindakan seterusnya adalah proses penfailan writ saman dan penyata tuntutan di mahkamah.	
	4.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 4 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 MEI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 5.5.2 (m.s.12)</u> Encik Yong Keh Chyn memaklumkan SOP PKP 3.0 yang telah dikeluarkan oleh pihak MKN menyatakan operasi pasar pagi yang dibenarkan adalah pada jam 6 pagi hingga 2 petang. Walau bagaimanapun, pihak Balai Polis Jenjarom memaklumkan operasi pasar pagi adalah pada jam 8 pagi. <i>Pengarah JPL memaklumkan pasar pagi dikategorikan di bawah pasar harian. Pihak Majlis akan menghantar satu surat pemakluman kepada pihak PDRM berkenaan perkara ini.</i>	Makluman
	4.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 4 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 MEI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 4.1 (m.s.3)</u> Cik Ang Lee Yong mencadangkan peruntukan MPP digunakan sepenuhnya untuk sumbangan	Makluman

		<p>memandangkan program tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh PKP.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan perkara ini perlu menunggu keputusan daripada pihak Kerajaan Persekutuan.</i></p>	
	ii.	<p><u>Perkara 5.1.2 (m.s.4)</u></p> <p>Encik Naharanuar ingin tahu status Balairaya Taman Setia Jaya dan Taman Beringin. Beliau juga mencadangkan pihak Majlis mengadakan satu pertandingan keceriaan tapak tong sampah di kawasan kampung.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan permohonan pewartaan telah dihantar ke PTD Kuala Langat pada bulan lepas. Buat masa ini, status masih tanah kerajaan dan di bawah seliaan PTD Kuala Langat.</i></p> <p><i>Berhubung cadangan mengadakan satu pertandingan keceriaan tapak tong sampah, Tuan Pengerusi meminta Encik Naharanuar mengadakan perbincangan dengan pihak JPSPKP.</i></p>	Makluman
	iii.	<p><u>Perkara 5.1.7 (m.s.5)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu tindakan yang diambil oleh pihak PTD Kuala Langat berkenaan isu sampah di kampung tradisi.</p> <p><i>Wakil Pengarah JPSPKP memaklumkan pihak jabatan bersama Ketua-Ketua Kampung sedang mengadakan lawatan tapak di beberapa lokasi. Pihak jabatan juga telah mengenalpasti beberapa tapak tong sampah yang perlu dipindahkan ke lokasi lain kerana lokasi sedia ada telah menjadi tempat pembuangan sampah haram seperti di RTB Bukit Changgang, Kanchong Darat dan Sijangkang. Dimaklumkan pihak jabatan telah membuat satu lawatan di Jalan Kebun, Shah Alam dan Kampung Delek, Klang pada minggu lepas bagi melihat cara pihak PBT menguruskan sampah di kawasan kampung. Satu mesyuarat juga akan</i></p>	Makluman

		<i>diadakan melibatkan Ketua-Ketua Kampung, PTD Kuala Langat dan Ahli-Ahli Majlis selepas tamat tempoh PKP.</i>	
	iv.	<p><u>Perkara 5.3.1 (m.s.6)</u></p> <p>Encik Naharanuar ingin tahu status cadangan beliau agar diwujudkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di peringkat MPKL dan digerakkan sendiri oleh pihak Majlis.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan pihak jabatan mengambil maklum akan cadangan ini.</i></p>	Makluman
	v.	<p><u>Perkara 5.5.1 (m.s.7)</u></p> <p>Encik Yong Keh Chyn memaklumkan prestasi kontraktor di zon beliau tidak memuaskan. Setakat bulan Mei 2021, sebanyak 5 Notis Tindakan Pemotongan (NTP) telah dikeluarkan kepada kontraktor tersebut. Walaupun amaran dan notis telah dikeluarkan, kelewatan kutipan sampah masih berlaku. Oleh itu, beliau berharap pihak Majlis dapat mengambil tindakan tegas.</p> <p>Seterusnya, beliau ingin tahu adakah pihak Majlis telah mewajibkan arahan penyediaan tong sampah di setiap rumah dan premis perniagaan. Sekiranya diwajibkan, beliau ingin tahu tindakan yang boleh diambil ke atas pemilik rumah dan premis yang ingkar arahan. Beliau juga ingin waktu operasi kutipan sampah sepanjang tempoh PKP 3.0.</p> <p><i>Berkenaan prestasi kontraktor kutipan sisa pepejal di MPP Zon 9, Wakil Pengarah JPSPKP memaklumkan pihak jabatan akan memanjangkan perkara ini kepada pihak KDEB untuk tindakan lanjut dan seterusnya mengesyorkan penamatan kontrak.</i></p> <p><i>Beliau juga memaklumkan semua rumah dan premis perniagaan telah diwajibkan untuk menyediakan tong sampah di hadapan rumah/premis masing-masing dan pihak jabatan akan mengeluarkan semula notis</i></p>	Makluman

		<i>tersebut. Pihak Majlis juga telah menyediakan beberapa tong sampah di lokasi-lokasi tertentu. Dimaklumkan waktu operasi kutipan sampah sepanjang tempoh PKP 3.0 masih sama.</i>	
	vi.	Encik Norazmi memohon pemasangan papan tanda larangan berniaga di bahu jalan, kawasan Taman Pahlawan, Batu 10.	JK
5.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 7 TAHUN 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 APRIL 2021	
	5.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 8 TAHUN 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 20 APRIL 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
6.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Abu Bakar bin Mohamad,		
	i.	Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Penolong Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.	Makluman
	ii.	Beliau mengucapkan terima kasih kepada Parti Keadilan Rakyat kerana melantik beliau sebagai Ahli Majlis MPKL bagi sesi 2021-2022.	Makluman

	iii.	Seterusnya, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Dipertua dan Ketua-Ketua Jabatan di atas tindakan dan tanggungjawab dalam menyelesaikan masalah di daerah Kuala Langat khususnya di zon beliau.	Makluman
	iv.	Memandangkan Zon 3 menjadi kawasan tumpuan pembangunan, kediaman dan ekonomi, beliau berharap jabatan yang berkaitan dapat mengambil perhatian dan mengimbangi sebarang permohonan dan perkhidmatan. Beliau juga sering menerima aduan berkaitan penduduk yang mengubah suai rumah, kedai atau pejabat tanpa kebenaran daripada pihak Majlis. Ini berlaku berikutan kekurangan pengetahuan mengenai proses permohonan. Oleh itu, beliau mencadangkan satu taklimat diadakan kepada semua persatuan penduduk bagi mengelakkan perkara ini berulang pada masa hadapan.	Makluman
	v.	Beliau mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya Dato' Menteri Besar Selangor kerana menghulurkan bantuan kepada rakyat yang terjejas dan barisan hadapan yang berusaha keras dalam menangani wabak Covid-19.	Makluman
	vi.	Beliau juga menasihatkan kepada semua ahli mesyuarat supaya sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan memandangkan peningkatan kes Covid-19 yang berada di tahap membimbangkan. Akhir kata, beliau mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada ahli mesyuarat beragama Islam.	Makluman

7.0	UCAPAN PENUTUP OLEH PENERUSI	
	Tuan Penerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Beliau berharap perkara-perkara yang dibincangkan pada mesyuarat ini dapat membawa MPKL ke peringkat yang lebih tinggi. Seterusnya, beliau menanggungkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditanggungkan pada jam 10.45 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 2 Jun 2021

Disemak oleh :


.....
(MISKON BIN HAJI KARIM, A.I.S., P.P.T.)

Penolong Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :


.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh En. Tan Wee King
dan disokong oleh En. Yong Keh Chyn dengan pindaan (Perkara 4.5 cii)

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN

- 5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
- 6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
- 7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
- 8. JL - JABATAN LANDSKAP
- 9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
- 10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
- 11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
- 12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- 13. UU - UNIT PERUNDANGAN
- 14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
- 15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
- 16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- 17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mpkl 4/2021